

17/03/2002

Pengundi Ketari sudah matang

Sariha Mohd Ali

NAMA Ketari yang dulunya tidak begitu dikenali, kini popular selepas kematian Ahli Dewan Undangan Negerinya (Adun), Datuk Loke Koon Kam pada petang 3 Mac lalu. Berikutan kekosongan kerusi Ketari, Barisan Nasional perlu mengekalkan kawasan itu, namun awal-awal lagi DAP sudah meletakkan calon untuk menentang BN. Kali ini, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob selaku ketua jentera pilihan raya BN dan Ketua Umno Bahagian Bentong diuji kewibawaannya untuk memastikan kemenangan calon BN. Ikuti temu bual wartawan Berita Minggu SARIHA MOHD ALI dengan beliau di Bentong, malam semalam.

Secara am, boleh Datuk jelaskan senario politik di DUN Ketari?

Ketari benar-benar menjadi satu kawasan ujian untuk melihat setakat mana keberkesanan kerjasama parti komponen BN. Ketari terletak dalam Parlimen Bentong. Ahli Parlimennya dari MCA dan kita ada empat DUN yang diwakili empat parti komponen terbesar BN iaitu Umno di Pelangai, MCA di Bilut, MIC di Sabai dan Gerakan di Ketari. Kerjasama itu memang baik sejak 1959.

Di Sabai, contohnya, walaupun majoriti di situ kaum Cina dan Melayu tapi calon MIC boleh menang dan begitu juga di Ketari. Walaupun calon Gerakan tapi ahli MCA, MIC, PPP dan Umno bagi sokongan sehingga Datuk Loke menang.

Majoriti dulu kecil kerana ketika itu ada isu nasional (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan mendiang sendiri sudah masuk penggal keempat. Setiap kali mendiang dan kerajaan buat projek penyelesaian masalah rakyat, kita tak dapat hebakkannya dan timbul persepsi mengatakan mendiang Loke tak menjalankan tugas dengan berkesan. Sebenarnya, sikap masyarakat berbilang kaum di sini muhibah. Kita akan jadikan Bentong sebagai kubu BN.

Pilihan raya umum lalu, banyak undi diperolehi pembangkang. Adakah Ketari akan menjadi ujian menentukan sejauh mana kekuasaan pembangkang di sini?

Pandangan dan sikap pengundi kali ini berubah. Dulu ada persepsi tak tepat mengenai Loke, ada isu Anwar dan Pas. Tapi kali ini saya yakin semua isu itu tak timbul kerana calon BN, Yum Ah Ha, orang baru, seorang peguam, anak watan Bentong, bermula dari bawah dan berjaya dalam kehidupan.

Saya percaya dia boleh beri tumpuan menjalankan tugas, jika dipilih. Isu Anwar dah hilang, isu Pas salahguna agama, kita dah tangani dengan mengadakan ceramah di kawasan Ketari. Ramai juga pegawai dan kakitangan Jabatan Agama sendiri yang dulu nampak mirip kepada pembangkang, menyatakan hasrat untuk membantu kita.

Ini satu keadaan yang mengharukan saya dan kita kena bagi peluang untuk tunjukkan mereka benar-benar ikhlas. Sebab itu, dalam BN khasnya Umno, jangan anggap seseorang itu tak berubah dalam politik dan jangan cap atau sisihkan mereka.

Contohnya di Felda Mempaga, saya diberitahu ada penyokong parti Keadilan dan Pas akan membantu kita. Sebab itu saya pesan ahli Umno supaya mereka ini tidak disisihkan atau curiga dengan mereka, sebaliknya kita beri kepercayaan. Kalau mereka tidak ikhlas, kita akan tahu sebelum hari mengundi dan kita dapat ambil tindakan tertentu.

Berapa ramai penyokong pembangkang yang sedia membantu BN di DUN Ketari?

Saya difahamkan jumlahnya ramai. Saya percaya mereka yakin kerajaan yang ada boleh menjaga keamanan negara dan yakin dengan apa yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ada di antara mereka, kita hantar ke Putrajaya, melihat sendiri perkembangan di sana dan mereka kagum dengan keikhlasan kerajaan.

Kita juga selalu beritahu rakyat, jika tidak puas hati, mereka boleh kritik dan hantar surat untuk diperbaiki kekurangan yang ada sebab kita bukan sempurna. Masalah tertentu, memang dihadapi rakyat lama tetapi kerana birokrasi kekurangan kakitangan, maka masalah lewat ditangani. Contohnya permohonan tanah di Janda Baik memang dah lama. Mereka ada sebab rasa marah pada kerajaan tapi saya juga sudah jumpa dan pujuk mereka, mengatakan bahawa masalah mereka di peringkat akhir penyelesaian. Mereka perlu fahami kerajaan kurang kakitangan, khasnya di pejabat tanah untuk menangani masalah tanah yang sentiasa bertambah.

Parti komponen BN memberi sokongan padu di DUN Ketari dan pembangkang ketandusan isu. Adakah pertandingan DAP melawan BN kelak masih sengit?

Dalam setiap pertandingan, kita mesti sedia menghadapi pertandingan sengit. Kalau tiba-tiba pertandingan tak sengit, alhamdulillah. Cuma kita takut kalau tak bersedia dan menghadapi pertandingan sengit, itu agak sukar. Dengan adanya pemahaman, kebijaksanaan pengundi di Ketari, saya percaya mereka juga bersimpati dan kesian dengan Menteri Besar yang datang dari Bentong. Kalau ada kelemahan, mereka tak sampai hati nak menzahirkannya dalam peti undi. Mereka akan jumpa dengan Menteri Besar sendiri.

Adakah isu penanaman halia di Bukit Tinggi yang dimainkan pembangkang itu serius?

Ia serius tetapi saya dah arahkan pegawai tanah daerah menyediakan dokumen mengandungi kronologi lengkap sejak bila masalah itu timbul dan apa yang kerajaan lakukan untuk menyelesaikannya.

Dalam kes ini, kerajaan sendiri keluarkan duit RM120,000 untuk membayar yuran survey. Ia juga akan dimuatkan dalam dokumen itu untuk diedarkan kepada pengundi supaya mereka tahu apa yang kita lakukan untuk menyelesaikan masalah ini. September tahun lalu, mendiang Loke sudah menandatangani surat penyelesaian masalah itu. Senarai akhir pemilik tanah sudah diberi kelulusan tetapi Loke meninggal dan kita akan tunjuk bukti itu.

Kelulusan itu akan diberi minggu ini dan masa yang sama, kita akan tunjuk bukti yang kita usaha kuat untuk selesaikan masalah itu. Dokumen itu diedarkan sebelum penamaan calon 23 Mac ini.

Dalam pilihan raya kecil di tempat lain, berlaku kejadian tidak diingini. Bagaimana situasi di Bentong terutama Ketari?

Saya beri jaminan kejadian seumpama itu tidak berlaku di Bentong sama ada ketika hari penamaan calon 23 Mac ini atau membuang undi pada 31 Mac ini. Orang Bentong sukakan keamanan. Mereka, termasuk penyokong BN, DAP, Pas, Keadilan tak pernah timbulkan kekacauan, tak seperti di tempat lain.

Jika ada timbul masalah, saya yakin mereka adalah orang luar Bentong. Seperti di Sanggang, masalah kesesakan lalu lintas ketika hari pengundian, dibuat penyokong pembangkang dari luar Mentakab dan Temerloh. Saya yakin Ketua Polis Bentong, boleh mengawal masalah ini supaya tidak berlaku.

Pemilihan calon BN, Yum Ah Ha, antaranya disebabkan faktor suku kaum Kwangsai. Adakah ia menjadi isu terutama di kalangan pengundi kaum lain? Pemilihan Yum bukan kerana dia peguam, bukan kerana Kwangsai, atau bukan kerana dia bekas pegawai polis. Masalahnya, setiap pilihan raya kita ramai calon berkelayakan tapi tempat satu. Gerakan difahamkan menyenaraikan empat orang dan selepas perbincangan saya dan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan selepas itu dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan akhirnya Dr Lim berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN, diputuskan Yum. Tak bermakna calon lain tidak layak tetapi Yum lebih sesuai. Di Bentong, masyarakat Cina terdiri daripada Hokkien, Hakka, Kantonis dan lain-lain. Jadi faktor Kwangsai itu hanya spekulasi sahaja.

Bagaimana pembahagian kawasan kempen di kalangan parti komponen BN?

Pada dasarnya, Umno akan tumpu pada orang Melayu, MCA dan Gerakan pada orang Cina, MIC dan PPP pada orang India. Pada masa sama, tokoh tertentu seperti Pak Lah atau saya, akan pergi ke merata tempat. Pekerja parti akan tumpu pada suku kaum tertentu ikut parti tetapi pemimpin dan calon akan pergi semua tempat.

Tindakan Keadilan tidak meletakkan calon mungkin memberi kelebihan undi kepada DAP. Apa pendapat Datuk?

Ia boleh menjadi sebaliknya. Jika kita kata Keadilan tak letak calon, mudah pada BN atau DAP, tidak juga. Kita akan tengok, tapi akhirnya terpulang pada pengundi. Jika Keadilan letak calon, bagus juga kerana yang dahulu mengundi Keadilan, mungkin kali ini mengundi BN sebab rata-rata, penyokong Keadilan di Bentong adalah Melayu. Bagi BN, semua perlawanan baik sama ada satu lawan satu, satu lawan tiga, atau lagi ramai lagi bagus. Ada yang menyokong calon BN di peringkat Parlimen tapi tak menyokong calon BN di peringkat negeri.

Contohnya di Perting, ada enam peti undi. Calon Parlimen BN menang lima daripada enam peti undi tetapi mendiang Datuk Loke, kalah semua. Bermakna kalau Keadilan masuk kali ini, ada kemungkinan BN akan lebih selesa daripada berlawan dengan DAP. Saya fikir Keadilan sesuai bertanding di sini sebab DAP dah kalah banyak kali, sejak 1959. Saya berasa dukacita sebab Keadilan tak bertanding di sini.

Adakah pengundi Melayu bakal penentu kemenangan DUN Ketari?

Tidak. Semua akan jadi penentu. Kita tengok keputusan dan kemudian akan analisis. Kalau analisis sebelum keputusan, ia tak tepat. Pengundi Orang Asli di sini juga ada lebih 200 orang.

Selain isu tempatan, apakah isu nasional yang bakal dimainkan pembangkang?

Mungkin sekolah wawasan, Tabung Haji, MAS, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Tapi penduduk di Ketari, mereka tak berminat dengan isu itu.

Adakah pilihan raya ini beri tekanan kepada Datuk yang juga Ketua Umno Bentong?

Saya tidak pernah berasa tertekan. Saya anggap ia perkara biasa, satu cabaran yang menyeronokkan. Tapi tak dapat dinafikan (perasaan itu), sebab kawasan ini, kawasan sendiri. Jangkaan orang tinggi, jangkaan pucuk pimpinan tinggi, tapi saya percaya pengundi di DUN Ketari, akan berfikir, saya sebagai budak kampung, sekolah dan membesar di sini, bekerja di sini...dan sekarang saya sebagai Menteri Besar yang boleh membantu. Tekanan tidaklah sangat tetapi tanggungjawab berat sikit.

Apa beza antara Ketari dan Sanggah?

Yang ada hanya Sanggah bukan kawasan saya tetapi masih tanggungjawab saya tetapi di Ketari, kawasan saya, tanggungjawab saya.

Adakah pilihan raya ini menjadi medan ujian kepada BN untuk menghadapi pilihan raya umum?

Tidak. Ia adalah ujian untuk melihat sama ada kerjasama antara parti komponen BN berkesan atau tidak. Adakah MCA, Umno, MIC, PPP memberi kerjasama kepada Gerakan memenangi kerusi ini. Untuk menguji kekuatan BN menghadapi pilihan raya umum, kita perlukan satu atau dua kerusi pembangkang yang kosong dan adakan pilihan raya kecil.

Jadi, saya alu-alukan jika Pas atau Keadilan, mengosongkan kerusi mereka dan adakan pilihan raya kecil. Saya cadang supaya Adun Pas Jengka, Kuala Pahang, Tahan, Guai dan Keadilan di Chini, menarik diri. Untuk Pas di DUN Semantan, biarkan kerana dia sudah berusia.

(END)